



**KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

**PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 3 TAHUN 1998**

**KEMUDAHAN CUTI PEGAWAI BERSALIN**

Dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri telah bersetuju menerimapakai Pekeliling Perkhidmatan (Persekutuan) Bilangan 2 Tahun 1998 mengenai perkara di atas dan ia hendaklah dibaca bersama dengan Pekeliling Perkhidmatan Negeri Bilangan 2 Tahun 1991.

2. Bersama-sama ini disertakan sesalinan Pekeliling Perkhidmatan yang berkenaan untuk panduan dan tindakan.

**(DATO' HAJI NIK AZNAN SHAH BIN DATO' NIK ABDULLAH)**  
Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pentadbiran)  
b.p. **SETIAUSAHA KERAJAAN**  
**KELANTAN**

**Pejabat Setiausaha Kerajaan  
Kelantan  
Kota Bharu**

Bertarikh : 16 J. Awal, 1419  
07 September, 1998

[SUK.D.200 (01) 600 / 9 / (45)]

Kepada : Semua Ketua Jabatan Negeri

Salinan : Semua Pihak Berkanun Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan



KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA  
MALAYSIA

---

**PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 2 TAHUN 1998**

---

**KEMUDAHAN CUTI PEGAWAI BERSALIN**

**TUJUAN**

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk menjelaskan kelayakan dan kaedah pelaksanaan kemudahan cuti bagi seseorang anggota wanita di dalam perkhidmatan awam Persekutuan yang bersalin.

**LATAR BELAKANG**

2. Kerajaan telah memberi beberapa kemudahan cuti bagi seseorang pegawai/guru wanita yang bersalin seperti Cuti Bersalin untuk pegawai wanita mengikut Perintah Am 25 dan 26 Bab C **dan untuk guru wanita mengikut Perintah Am 54 Bab C. Kemudahan ini diperjelaskan lagi melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 1984 dan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 1991.** Selaras dengan hasrat untuk mewujudkan satu masyarakat penyayang, kerajaan telah bersetuju tempoh Cuti Bersalin dipanjangkan daripada 42 hari kepada 60 hari.

**PELAKSANAAN**

3. Seseorang pegawai/guru wanita yang bersalin layak mendapat kemudahan Cuti Bersalin sebanyak lima (5) kali sepanjang tempoh perkhidmatannya.

4. Bagi setiap Cuti Bersalin, pegawai/guru wanita layak diberi cuti selama 60 hari yang dikira mulai dari tarikh pegawai/ guru wanita bersalin.
  
5. Bagi pegawai/guru wanita yang berada di bawah Sistem Saraan Baru, Cuti Menjaga Anak ( tanpa gaji ) sehingga 90 hari boleh digunakan mulai hari ke 61 dari tarikh bersalin. Ini bermakna Cuti Menjaga Anak ( tanpa gaji ) tidak boleh diluluskan jika kemudahan ini diambil mulai hari ke 62 dari tarikh bersalin. Jika sebahagian daripada 90 hari cuti tersebut tidak digunakan, baki cuti tersebut yang tidak digunakan akan luput secara automatik. Kemudahan Cuti Menjaga Anak (tanpa gaji) diberi sebanyak lima (5) kali sepanjang tempoh perkhidmatannya.
  
6. Seseorang pegawai wanita kecuali guru wanita yang telah menggunakan kelayakan lima (5) kali kemudahan Cuti Bersalin dan bagi setiap kali bersalin seterusnya, hendaklah mengikut kaedah berikut -
  - a) Cuti Sakit bagi maksud menggantikan tempoh Cuti Bersalin tidak boleh digunakan dalam tempoh 60 hari dari tarikh bersalin kecuali Cuti Tibi, Kusta, Barah atau tempoh pegawai dimasukkan ke wad hospital kerana sakit bukan atas sebab bersalin.
  - b) Cuti Rehat mengikut kelayakan pegawai bagi maksud menggantikan tempoh Cuti Bersalin boleh digunakan mulai dari tarikh bersalin.
  - c) Cuti Tanpa Gaji hanya boleh digunakan bagi maksud menggantikan tempoh Cuti Bersalin setelah pegawai mengambil semua Cuti Rehat mengikut kelayakannya.
  - d) Jumlah cuti bagi maksud menggantikan tempoh Cuti Bersalin seperti di 6(b) dan 6(c) di atas yang digunakan hendaklah tidak melebihi 60 hari dari tarikh pegawai bersalin.
  - e) Bagi pegawai yang berada di bawah Sistem Saraan Baru dan tidak menggunakan kemudahan Cuti Rehat dan Cuti Tanpa Gaji yang diberi di perenggan 6(b) dan 6(c) di atas, boleh menggunakan kemudahan Cuti Menjaga Anak (tanpa gaji) sehingga 90 hari mulai dari tarikh pegawai bersalin.

7. Seseorang guru wanita yang telah menggunakan kelayakan lima (5) kali kemudahan Cuti Bersalin dan bagi setiap kali bersalin seterusnya, hendaklah mengikut kaedah berikut:-

- (a) Cuti Sakit bagi maksud menggantikan tempoh Cuti Bersalin tidak boleh digunakan dalam tempoh 60 hari dari tarikh bersalin kecuali Cuti Tibi, Kusta, Barah atau tempoh guru dimasukkan ke wad hospital kerana sakit bukan atas sebab bersalin.
- (b) Cuti Bergaji Penuh boleh digunakan bagi maksud menggantikan tempoh Cuti Bersalin jika tempoh tersebut jatuh dalam cuti penggal sekolah.
- (c) Cuti Separuh Gaji bagi tempoh sehingga 14 hari boleh digunakan bagi maksud menggantikan tempoh Cuti Bersalin jika tempoh tersebut jatuh dalam penggal sekolah.
- (d) Cuti Tanpa Gaji hanya boleh digunakan bagi maksud menggantikan tempoh Cuti Bersalin setelah guru mengambil Cuti Bergaji Penuh dan / atau Cuti Separuh Gaji mengikut kelayakannya.
- (e) Jumlah cuti bagi maksud menggantikan tempoh Cuti Bersalin, seperti di 7(b), 7(c) dan 7(d) di atas, yang digunakan hendaklah tidak melebihi 60 hari dari tarikh guru bersalin.
- (f) Bagi guru yang berada di bawah Sistem Saraan Baru dan tidak menggunakan kemudahan Cuti Bergaji Penuh, Cuti Separuh Gaji dan Cuti Tanpa Gaji yang diberi di perenggan 7(b), 7(c) dan 7(d) di atas, boleh menggunakan kemudahan Cuti Menjaga Anak ( tanpa gaji ) sehingga 90 hari mulai dari tarikh guru bersalin.

8. Pegawai yang menggunakan kemudahan di bawah Pekeliling Perkhidmatan ini hendaklah mengemukakan satu perakuan bersalin dan permohonan cuti kepada Ketua Jabatannya seperti di **Lampiran A** dan bagi guru wanita seperti di **Lampiran B**.

9. Seseorang pegawai/guru wanita yang bersalin pada 1 Mei 1998 dan selepasnya layak mendapat kemudahan Cuti Bersalin selama 60 hari dari tarikh bersalin. Ini

bermakna, pegawai/guru wanita yang bersalin sebelum 1 Mei 1998 masih tertakluk kepada tempoh Cuti Bersalin selama 42 hari.

10. Ketua Jabatan hendaklah merekodkan semua kemudahan cuti di bawah Pekeliling Perkhidmatan ini yang diambil oleh seseorang pegawai/guru wanita yang bersalin dalam Kenyataan Cuti, Buku Perkhidmatan Kerajaan (Am 274 - Pin 4/84).

11. Cuti Menjaga Anak ( tanpa gaji ), Cuti Tanpa Gaji dan Cuti Separuh Gaji yang diambil oleh pegawai/guru wanita yang bersalin di bawah Pekeliling Perkhidmatan ini tidak akan menjejaskan kelayakan pegawai /guru wanita untuk menggunakan Cuti Tanpa Gaji di bawah **Perintah Am 14 dan 52 Bab C** dan Cuti Separuh Gaji di bawah **Perintah Am 51 Bab C** .

12. Perkhidmatan dengan Pihak Berkuasa Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan, bagi seseorang pegawai yang diberi pelepasan dengan izin dari perkhidmatan Pihak Berkuasa Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan untuk berkhidmat dengan perkhidmatan awam Persekutuan, hendaklah diambilkira bagi maksud kelayakan kemudahan di bawah Pekeliling Perkhidmatan ini.

13. Perkhidmatan semasa tempoh kontrak bagi seseorang pegawai kontrak yang dilantik ke dalam perkhidmatan awam Persekutuan tidak boleh diambilkira bagi maksud kelayakan kemudahan di bawah Pekeliling Perkhidmatan ini.

#### **TARIKH KUATKUASA**

14. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuatkuasa mulai 1 Mei 1998.

#### **PEMAKAIAN**

15. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Pihak Berkuasa Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

## **PEMBATALAN**

16. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, maka -

- (a) **Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 1984**, dan
- (b) Perenggan 58.1 **Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 1991**

adalah dibatalkan.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**



(TAN SRI DR. MAZLAN BIN AHMAD)  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,  
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA  
KUALA LUMPUR

25 April 1998

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua Y. B. Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Berkanun  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

**LAMPIRAN A**

**PERAKUAN BERSALIN DAN PERMOHONAN CUTI  
BAGI PEGAWAI WANITA (P.P Bil. 2/98)**

Kepada .....

(Ketua Jabatan)

1. Adalah dimaklumkan bahawa saya telah bersalin pada .....dan dengan ini mengambil Cuti Bersalin kali..... pada..... hingga.....
2. Bersama - sama ini disertakan perakuan bersalin daripada pihak hospital.
3. Saya memohon untuk mengambil cuti seperti berikut-
  - (a) Cuti Rehat selama ..... hari mulai ..... hingga .....
  - (b) Cuti Tanpa Gaji selama ..... hari mulai ..... hingga .....
  - (c) Cuti Menjaga Anak ( tanpa gaji ) kali ..... selama ..... hari mulai ..... hingga.....

Tarikh..... Tandatangan Pemohon .....

Nama .....

Jawatan .....

---

(a) Cuti Rehat selama ..... hari mulai .....hingga  
.....  
diluluskan/tidak diluluskan\*

(b) Cuti Tanpa Gaji selama ..... hari mulai .....hingga  
.....  
diluluskan/tidak diluluskan \*

(c) Cuti Menjaga Anak ( tanpa gaji ) kali .....selama  
..... hari mulai  
..... hingga ..... diluluskan / tidak diluluskan\*

Tarikh .....  
.....

Tandatangan Pegawai Yang Meluluskan Cuti

*\*Potong mana yang tidak berkenaan*

-----  
Pemohon telah diberitahu pada.....

Cuti telah direkodkan pada.....

(Tindakan ini hendaklah diambil setelah cuti diluluskan)

.....  
b.p. Pegawai Pentadbiran



*Untuk kegunaan pejabat.*

**CUTI BERSALIN**

1. Cuti Bersalin kali pertama pada ..... hingga  
.....
2. Cuti Bersalin kali kedua pada..... hingga  
.....
3. Cuti Bersalin kali ketiga pada ..... hingga  
.....
4. Cuti Bersalin kali keempat pada ..... hingga  
.....
5. Cuti Bersalin kali kelima pada ..... hingga  
.....

**CUTI MENJAGA ANAK (tanpa gaji)**

1. Cuti Menjaga Anak kali pertama selama ..... hari mulai  
..... hingga .....
2. Cuti Menjaga Anak kali kedua selama .....hari mulai  
.....hingga.....
3. Cuti Menjaga Anak kali ketiga selama .....hari mulai  
.....hingga.....

4. Cuti Menjaga Anak kali keempat selama ..... hari mulai .....hingga.....

5. Cuti Menjaga Anak kali kelima selama ..... hari mulai .....hingga.....

**Kemudahan Cuti setelah menggunakan lima (5) kali Cuti Bersalin**

Tarikh Bersalin .....

1. Cuti Rehat selama ..... hari mulai ..... hingga .....

2. Cuti Tanpa Gaji selama.....hari mulai.....hingga.....

*Jumlah Cuti Rehat dan Cuti Tanpa Gaji hendaklah tidak melebihi 60 hari dari tarikh bersalin*

**LAMPIRAN B**

**PERAKUAN BERSALIN DAN PERMOHONAN CUTI  
BAGI GURU WANITA (P.P Bil. 2/98)**

Kepada.....

(Ketua Jabatan)

1. Adalah dimaklumkan bahawa saya telah bersalin pada.....dan dengan ini mengambil Cuti Bersalin kali ..... pada ..... hingga .....
2. Bersama - sama ini disertakan perakuan bersalin daripada pihak hospital.
3. Saya memohon untuk mengambil cuti seperti berikut-
  - (a) Cuti Bergaji Penuh dalam cuti penggal sekolah selama ..... hari mulai ..... hingga .....
  - (b) Cuti Separuh Gaji dalam penggal sekolah selama ..... hari mulai ..... hingga .....
  - (c) Cuti Tanpa Gaji selama ..... hari mulai ..... hingga .....
  - (d) Cuti Menjaga Anak (tanpa gaji) kali ..... selama ..... Hari mulai ..... hingga .....

Tarikh .....

Tandatangan Pemohon .....

Nama .....

Jawatan .....

---

(a) Cuti Bergaji Penuh dalam cuti penggal sekolah selama ..... hari mulai  
..... hingga..... diluluskan/ tidak diluluskan \*

(b) Cuti Separuh Gaji selama ..... hari mulai ..... hingga  
..... diluluskan/ tidak diluluskan \*

(c) Cuti Tanpa Gaji selama ..... hari mulai ..... hingga  
..... diluluskan/ tidak diluluskan \*

(d) Cuti Menjaga Anak (tanpa gaji) kali ..... selama ..... hari mulai  
..... hingga .....diluluskan/ tidak diluluskan\*

Tarikh.....

Tandatangan Pegawai Yang Meluluskan Cuti

*\*Potong mana yang tidak berkenaan*

---

Pemohon telah diberitahu pada .....

Cuti telah direkodkan pada .....

(Tindakan ini hendaklah diambil setelah cuti diluluskan)

.....  
b.p. Pegawai Pentadbiran

*Untuk kegunaan pejabat.*

**CUTI BERSALIN**

1. Cuti Bersalin kali pertama pada ..... hingga  
.....
2. Cuti Bersalin kali kedua pada ..... hingga  
.....
3. Cuti Bersalin kali ketiga pada ..... hingga  
.....
4. Cuti Bersalin kali keempat pada ..... hingga  
.....
5. Cuti Bersalin kali kelima pada ..... hingga  
.....

**CUTI MENJAGA ANAK (TANPA GAJI)**

1. Cuti Menjaga Anak kali pertama selama ..... hari mulai  
..... hingga .....
2. Cuti Menjaga Anak kali kedua selama ..... hari mulai  
..... hingga .....
3. Cuti Menjaga Anak kali ketiga selama ..... hari mulai  
..... hingga .....

4. Cuti Menjaga Anak kali keempat selama ..... hari mulai  
..... hingga .....
5. Cuti Menjaga Anak kali kelima selama ..... hari mulai  
..... hingga .....

**Kemudahan Cuti setelah menggunakan lima (5) kali Cuti Bersalin**

Tarikh Bersalin .....

1. Cuti Bergaji Penuh dalam cuti penggal sekolah selama ..... hari mulai  
..... hingga .....
2. Cuti Separuh Gaji dalam penggal sekolah selama ..... hari mulai  
..... hingga .....
3. Cuti Tanpa Gaji bagi tempoh selepas Cuti Bergaji Penuh dan /atau Cuti  
Separuh Gaji di atas selama ..... hari mula ..... hingga  
.....

*Jumlah Cuti Bergaji Penuh, Cuti Separuh Gaji dan Cuti Tanpa Gaji hendaklah tidak melebihi 60 hari dari tarikh bersalin*